

# 3 penyelidik terima Anugerah Kajian Kanser Makna

**KUALA LUMPUR 22 April** - Majlis Kanser Nasional (Makna) terus komited membantu penyelidik muda menjalankan kajian saintifik berkaitan penyakit kanser apabila menganugerahkan tiga lagi geran penyelidikan berjumlah RM90,000 kepada tiga penyelidik sempena Anugerah Kajian Kanser Makna 2015.

Pengurus Besar Makna, Farahida Mohd. Farid berkata, ketiga-tiga penerima berkenaan merupakan antara 51 penyelidik yang membuat permohonan kepada Makna dan telah dipilih oleh barisan panel profesional.

“Permohonan kali ini merupakan yang tertinggi dan menandakan penyelidikan berkaitan kanser semakin mendapat perhatian penyelidik tempatan terutamanya memberi sumbangan dalam bentuk penemuan baharu.

“Tiada jalan mudah apabila menyebut tentang kanser tetapi Makna menggunakan pendekatan memberikan geran penyelidikan ini agar penyelidik menyelesaikan kajian mereka dengan tujuan ‘menghidupkan’ harapan,” katanya ketika berucap dalam Majlis Anugerah Kajian Kanser Makna 2015 di sini hari ini.

Acara yang berlangsung di Menara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) itu turut dihadiri Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM),



**FARAHIDA MOHD. FARID (kiri)** beramah mesra dengan **Nor Fazila Che Mat (tiga dari kanan), Nethia Mohana Kumaran (tiga dari kiri)** dan **Chua Eng Wee (dua dari kiri)** dalam Majlis Anugerah Kajian Kanser Makna 2015 di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, **Ahmad Tajuddin Ali dan Aini Ideris (dua dari kanan).**

Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Tiga penyelidik yang menerima anugerah tersebut ialah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Biologi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Nethia Mohana Kumaran; Ahli Farmasi Komuniti Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Chua Eng Wee dan Pensyarah Program Bioperubatan Pusat Pengajian Kesihatan

USM, Dr. Nor Fazila Che Mat.

Kesemua penerima dinilai oleh Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekular Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd. Yusoff bagi melayakkan mereka menerima RM30,000 setiap seorang.

Tambah Farahida, Makna setakat ini telah membantu 45 penyelidik den-

gan jumlah geran berjumlah RM1.3 juta dan ia boleh dikatakan sebagai satu kejayaan yang menjurus kepada penghasilan penemuan baharu.

Sementara itu, Ahmad Tajuddin berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Makna untuk menyuntik semangat penyelidik tempatan yang seringkali menghadapi keangan kewangan untuk menyelesaikan kajian mereka.